



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU *Malay Language Education Journal*

Amalan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Kurang Murid dalam Melaksanakan dan Melaporkan Pentaksiran Bilik Darjah

(*Practices of Malay Language Teacher in Low Enrolment Schools in Implementing and Reporting Classroom Based Assessment*)

Faezah Saliman¹ & Zamri Mahamod²

¹ Sekolah Kebangsaan Kampung Buda, 95700 Betong, Sarawak, MALAYSIA.

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Zamri Mahamod**, d-zam@ukm.edu.my

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Disember, 2023

Volume: 13

Bilangan: 02

Halaman: 119-129

Dihantar pada:

13 Mei 2023

Diterima pada:

20 November 2023

Abstrak: Pelaksanaan pentaksiran yang berkesan dalam bilik darjah dapat membantu guru mengenal pasti potensi murid untuk dikembangkan ke tahap yang lebih optimum. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan guru Bahasa Melayu di Sekolah Kurang Murid (SKM) dalam melaksanakan dan melaporkan pentaksiran bilik darjah. Kajian yang direka bentuk menggunakan kajian kualitatif ini adalah berpandukan kepada kajian kes satu kes pelbagai tempat. Enam orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di empat buah SKM di Bahagian Betong, Sarawak telah dipilih secara pensampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah instrumen temu bual secara mendalam dan ditranskripsi ke dalam bentuk dokumen untuk dianalisis bagi mendapatkan tema serta subtema yang berkaitan objektif kajian. Data kajian pula dirumuskan menggunakan jadual matrik bagi setiap tema dan subtema yang diperoleh. Hasil kajian mendapati guru Bahasa Melayu di SKM melaksanakan pentaksiran bilik darjah secara bertulis, lisan dan juga pemerhatian. Hasil pentaksiran murid juga direkod sebagai evidens dan dilapor kepada pihak berkepentingan. Diharapkan kajian ini dapat membantu dan memberi panduan kepada guru Bahasa Melayu di SKM yang lain dalam mentaksir murid seterusnya menjadikan proses pentaksiran lebih holistik dan memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Kata kunci: Bahasa Melayu, Sekolah Kurang Murid, pentaksiran bilik darjah

Abstract: The implementation of effective assessment in the classroom can help teachers identify the potential of students to be developed to a more optimal level. The objective of this study is to explore the practices of Malay language teachers in low-enrolment schools (SKM) when performing and reporting the classroom based assessment. This study that designed using qualitative research, was guided by multiple case studies. Six Malay language teachers who taught in SKM schools in Betong Division, Sarawak have been selected by targeted sampling. The instrument used in this study is an in-depth interview, and the conversation with study participants was transcribed into document form for analysis to obtain the themes and sub-themes related to the study objectives. The study data were analyzed using matrix tables for each theme and sub-theme obtained. The study outcomes found that the Malay language teachers in SKM apply oral assessment, writing assessment and observational assessment. Student assessment results are recorded as evidence and reported to the stakeholders. It is hoped that this study can help and provide guidance to other Malay teachers at SKM in assessing students in order to make the assessment process more holistic and meet students' learning needs.

Key words: Malay Language, low-enrolment schools, classroom based assessment

PENGENALAN

Sistem pendidikan di Malaysia sering mengalami perubahan sejak dahulu lagi. Perubahan demi perubahan yang dilakukan adalah untuk memastikan sistem pendidikan di negara ini mampu melonjakkan pencapaian murid agar dapat bersaing dalam persekitaran global yang semakin sengit. Oleh itu, pelan pendidikan yang diberi dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM 2013) telah menyatakan beberapa strategi dan inisiatif untuk mendokong usaha transformasi sistem pendidikan secara menyeluruh. Strategi tersebut merangkumi aspek pendekatan pembelajaran murid, kaedah pemilihan guru, latihan guru, penyediaan ganjaran kepada guru dan pemimpin sekolah dan pendekatan pengoperasian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (KPM 2013).

Kualiti guru merupakan antara faktor terpenting yang signifikan dalam menentukan keberhasilan murid. Menerusi PPPM 2013-2015, KPM memastikan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dalam bilik darjah menggunakan pendekatan berpusatkan murid dan terbeza. Sehubungan dengan itu, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg2, KPM 2013) digubal semula untuk memastikan taraf pengajaran guru yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di semua institusi pendidikan. Standard 4 (Pembelajaran dan Pemudahcaraan) adalah untuk memberi penarafan kepada pedagogi guru yang perlu meliputi enam elemen utama, iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan murid sebagai pembelajar aktif. Dengan kata lain, potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid secara berterusan dapat dihasilkan apabila guru bertindak sebagai pemudah cara semasa proses PdP yang berkesan (KPM 2017).

Guru perlu menitikberatkan pelbagai latar belakang dan keterbezaan murid tidak kiralah dalam merancang pengajaran mahupun pentaksiran. Kepelbagaiannya potensi murid dapat dipenuhi dengan mengaplikasikan pendekatan pengajaran terbeza dalam sesi PdP guru. Zamri et al. (2015) Tomlinson (2008) menyatakan bahawa pendekatan pengajaran terbeza mengambil kira kesediaan murid, minat murid serta profil pembelajaran murid sebelum guru merancang dan melaksanakan pengajaran di dalam bilik darjah. Perkara yang sama turut dijelaskan oleh Jemaah Nazir (KPM 2019) bahawa segala perancangan pengajaran, proses pembelajaran, suasana pembelajaran, bimbingan dan dorongan yang dijalankan sepanjang PdP berlangsung mengutamakan pelbagai aras keupayaan murid dalam setiap aspek tindakan guru. Oleh itu, pendekatan pengajaran terbeza dapat memenuhi kelbagaiannya keperluan murid (Danial Ariff 2020) bagi mewujudkan suatu proses PdP berkualiti tinggi. Keberhasilan serta kemenjadian murid ekoran daripada pelaksanaan

pendekatan pengajaran terbeza menyerlahkan kualiti guru yang meraikan dan menghormati kepelbagaiannya murid di dalam bilik darjah.

AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Antara perubahan ketara yang dapat dilihat dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah perubahan sistem pentaksiran murid di sekolah rendah yang dahulunya hanya mengambil kira pencapaian murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), telah berubah kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula 2011 yang merangkumi PBD, Pentaksiran Psikometrik (Ppsi) serta Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang lebih menyeluruh serta tidak hanya berfokus kepada aspek pembangunan kognitif semata-mata (Miftahuljanah & Mohd Effendi 2020). Perubahan ini adalah bertepatan sekali dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pendidikan di Malaysia sebagai satu landasan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadan untuk menjadi insan yang seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Zamri dan Anita (2020) dan KPM (2018) menegaskan guru merupakan individu yang berperanan penting dalam melaksanakan PBD bermula dengan menentukan objektif pembelajaran berdasarkan standard pembelajaran yang ditaksir, merancang, membina instrumen dan melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran, melapor dan mengambil tindakan susulan. Mark (2018) menjelaskan bahawa PBD bukan sahaja untuk menilai kebolehan dan pencapaian murid tetapi turut membantu guru untuk mengenali kelebihan dan kelemahan murid seterusnya dapat menambah baik proses pengajaran guru. Perkara tersebut turut dinyatakan oleh Nor Azizah et al. (2020) bahawa PBD bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid yang ditaksir secara berterusan sepanjang PdP bagi membantu guru mendapatkan maklumat dalam menambah baik pengajaran mereka. Oleh itu, pentaksiran yang dijalankan dengan terancang dan berkesan dapat memberi impak yang positif terhadap potensi pembelajaran murid serta meningkatkan kualiti pengajaran guru di dalam bilik darjah.

SEKOLAH KURANG MURID

Pelbagai negara di seluruh dunia telah memastikan semua murid berhak mendapat akses pendidikan dengan mewujudkan SKM (Nitce et al. 2017). Di Malaysia, terdapat 7% daripada enrolmen sekolah rendah yang mempunyai jumlah murid 150 orang dan ke bawah dikategorikan sebagai SKM (KPM 2012). Bilangan murid yang sedikit ini tidak menjadi alasan kepada penubuhan SKM kerana penubuhannya adalah amat perlu bagi memastikan semua murid di seluruh pelusuk

negara mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. SKM boleh didapati di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur (Dg Norizah et al. 2021) apatah lagi di kawasan lain yang penduduknya tidak sepadat seperti bandar besar tersebut. Negeri Sabah dan Sarawak mencatatkan bilangan SKM paling banyak kerana negeri-negeri tersebut mempunyai struktur geografi yang kompleks seperti kawasan berbukit dan sungai (Nitce et al. 2017). Keadaan geografi tersebut turut menyukarkan aspek perhubungan ke sekolah-sekolah terutamanya dari segi jalan raya berturap serta capaian Internet di kawasan pedalaman.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji aspek pendidikan dari sudut SKM. Seperti mana yang dinyatakan oleh Nur Faezah dan Dg Norizah (2017), SKM mempunyai lebih kurang 15 orang bilangan staf termasuk guru dan anggota kumpulan pelaksana sahaja. Laporan Awal PPPM 2013-2025 (KPM 2013) menunjukkan 90% daripada SKM berada dalam keadaan infrastruktur yang daif dan mempunyai prestasi akademik yang rendah. Walaupun murid dan kakitangan di SKM juga sedikit, namun harapan yang diletakkan oleh pihak KPM untuk memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan di sekolah ini adalah sama seperti sekolah-sekolah yang lain.

PENYATAAN MASALAH

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam sesi pengajaran guru mampu memberikan maklumat yang tepat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. Namun begitu, beberapa kajian menunjukkan pengurusan PBD yang kurang berkesan memberikan implikasi buruk kepada kemampuan PBD itu sendiri untuk menjadi kayu ukur terhadap kemenjadian murid (Noel Jimbai et al. 2021). Perkara ini adalah disebabkan oleh kurangnya latihan dan bimbingan menyebabkan guru-guru kurang berasa yakin untuk memilih kaedah pentaksiran yang bersesuaian untuk dilaksanakan di dalam bilik darjah (Fakhri & Mohd Isha 2016). Penguasaan kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaan pentaksiran adalah amat perlu bagi guru-guru kerana gurulah yang merupakan orang yang bertanggungjawab terhadap kejayaan pelaksanaan PBD ketika sesi PdP dijalankan.

Pelaporan PBD juga dijadikan sebagai isu kerana kekeliruan guru dalam pemberikan tahap penguasaan yang sesuai berdasarkan tahap pencapaian sebenar murid. Kesahihan dan kesahan data yang diberikan oleh guru-guru yang tidak mempunyai borang transit untuk merekod pencapaian murid (Noel Jimbai et al. 2021) mencetuskan persoalan tentang tahap profesionalisme guru dalam mentaksir murid. Menurutnya juga, pemantauan yang kurang dilaksanakan menyebabkan pelaporan tahap penguasaan murid dilaporkan secara tidak berintegriti. Malah, Ali dan Veloo (2017) juga mendapati perkara yang sama berlaku dalam kajian mereka apabila terdapat guru yang bias dalam

pemberian tahap penguasaan murid. Oleh itu, proses pelaksanaan pentaksiran yang menggunakan instrumen yang tepat dan bersesuaian dengan kaedah pentaksiran yang dipilih serta mempunyai pelaporan yang jelas perlu menjadi amalan para guru.

Walaupun kebanyakan Sekolah Kurang Murid (SKM) terletak di luar bandar, warga sekolah tetap perlu memastikan murid mendapat pendidikan yang sepatutnya. KPM (2018) telah menegaskan bahawa dalam pelaksanaan PBD, guru merupakan kumpulan utama yang akan mengupayakan proses PdP yang berkesan. Guru perlu menguasai kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaan pentaksiran kerana guru bertanggungjawab untuk menentukan hasil pembelajaran yang hendak dinilai, merancang dan membina instrumen penilaian, melaksanakan penilaian, menganalisis maklumat, melapor serta membuat tindakan susulan (Sh. Siti Huzaimeh 2019). Oleh itu, PBD perlu dilaksanakan dengan teliti berdasarkan tahap pembelajaran murid, direkod dan dilapor sebagai evidens kepada hasil pembelajaran murid yang telah dicapai.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Meneroka amalan guru Bahasa Melayu di SKM dalam melaksanakan PBD.
2. Meneroka amalan guru Bahasa Melayu di SKM dalam melaporkan PBD.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian kes, iaitu **kajian satu kes pelbagai tempat**. Kajian satu kes merujuk kepada kajian terhadap amalan guru Bahasa Melayu di SKM dalam melaksanakan PBD, manakala pelbagai tempat merujuk kepada empat buah sekolah yang terletak di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Betong, Sarawak yang merupakan tempat peserta kajian berkhidmat. Keempat-empat sekolah ini merupakan sekolah luar bandar yang berstatus SKM, iaitu sekolah yang memiliki kurang daripada 150 orang murid dalam sebuah sekolah.

Dalam kajian ini, enam orang peserta kajian yang dipilih dibahagian kepada dua kumpulan, iaitu tiga orang guru Bahasa Melayu dalam SKMA dan tiga orang guru Bahasa Melayu dalam SKMB. Kriteria pemilihan peserta adalah berdasarkan:

1. Guru yang dipilih merupakan guru opsyen Bahasa Melayu.
2. Guru yang dipilih telah mengajar sekurang-kurangnya lima tahun dalam perkhidmatan.
3. Guru yang dipilih tahu, faham dan pernah melaksanakan pembelajaran terbeza.
4. Guru yang dipilih secara sukarela berminat untuk melibatkan diri dalam kajian ini.

JADUAL 1. Profil peserta kajian

Kod Peserta Kajian	Jantina	Umur	Pengalaman Mengajar	Sekolah
PK1/SKMA/2022	P	31	7	SKMA
PK2/SKMA/2022	L	33	9	SKMA
PK3/SKMA/2022	L	41	18	SKMA
PK4/SKMB/2022	P	52	27	SKMB
PK5/SKMB/2022	P	34	10	SKMB
PK6/SKMB/2022	L	52	27	SKMB

Instrumen Kajian dan Analisis Data

Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur secara mendalam. Temu bual dijalankan bagi mengumpul data untuk menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan seterusnya mencapai objektif kajian. Sesi temu bual dilakukan berulang kali sehingga data mencapai tahap ketepuan sebelum tema terakhir dibina. Temu bual bersama peserta kajian ditranskripsi terlebih dahulu sebelum dianalisis untuk mendapatkan tema dan subtema bagi memenuhi kehendak persoalan kajian. Data kemudiannya disusun dalam bentuk jadual matrik bagi mendapatkan rumusan tentang tema yang dikemukakan. Data kemudiannya diuraikan dengan lebih jelas dalam bahagian dapatan hasil kajian.

DAPATAN KAJIAN

Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Kurang Murid dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran Bahasa Melayu di SKM dapat dijelaskan kepada tiga tema utama, iaitu pentaksiran secara lisan, pentaksiran secara bertulis dan pentaksiran secara pemerhatian.

Pentaksiran Secara Lisan

Keenam-enam peserta kajian menggunakan pentaksiran secara lisan untuk mentaksir kemahiran dengar tutur, kemahiran membaca, kemahiran analisis maklumat dan juga menguji kemahiran tatabahasa.

A. Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Pentaksiran kemahiran dengar tutur semasa proses pengajaran dilakukan dengan tiga kaedah iaitu kaedah lisan murid dengan guru, murid dengan murid dan kaedah berkumpulan. Penggunaan Bahasa Melayu amat ditekankan semasa peserta kajian menjalankan pentaksiran dengar tutur untuk memastikan murid menggunakan bahasa Melayu dengan betul ketika berinteraksi dengan guru, dengan murid lain maupun

dengan kumpulan. Petikan temu bual peserta PK3 yang menjelaskan perkara ini adalah seperti berikut:

Untuk dengar tutur, kaedah lisan murid dengan murid, murid dengan guru dan juak murid dan dalam kumpulan. Kamek amat pentingkan sidak kelaka Bahasa Melayu mun molah aktiviti lisan tok (PK3/SKMA/2022)

B. Kemahiran Membaca

Berikut merupakan petikan temu bual bersama PK2 dan PK6 yang menjelaskan tentang pentaksiran kemahiran membaca. Bagi PK2, antara kemahiran bahasa yang dinilai semasa pentaksiran kemahiran membaca ialah membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul seperti membaca sajak ataupun melafazkan pantun. Menurut PK6 pula, beliau kerap meminta murid untuk membaca secara individu, secara berpasangan dan juga membaca di hadapan kelas. Kemahiran membaca murid akan dipantau ketika aktiviti ini dijalankan. Kesalahan bacaan murid pula akan ditegur dan dibetulkan secara serta merta semasa proses pengajaran berlangsung.

InsyaAllah semua murid kamek dah pandey baca. Tapi nak namanya pentaksiran tok, kita akan nangga sebutan dan intonasi sidaknya. Contoh macam baca petikan cerita, sajak kah, pantun kah. Kan ya pentingkan intonasi yang betul, jadi kamek akan polah secara lisan jak di dalam kelas (PK2/SKMA/2022)

Bila aktiviti membaca, kamek suruh sidaknya baca secara individu lah paling kerap dipolah. Ada juak secara berpasangan atau kat depan kelas. Tujuannya nak nangga lah murid dapat sik baca dengan betul, intonasi dan sebutan nya macamni (PK6/SKMB/2022)

C. Menganalisis Maklumat

Pentaksiran secara lisan juga digunakan untuk menilai kemahiran murid menganalisis maklumat daripada bahan yang dibaca dan ditonton semasa proses pembelajaran. Peserta kajian amat menekankan pentaksiran secara lisan untuk memastikan murid betul-betul memahami bahan yang telah disediakan oleh guru. Antara petikan bersama PK1, PK4 dan PK5 yang menjelaskan tentang dapatan ini adalah seperti di bawah:

Lebih gik mun sidaknya baca prosa macam pantun, sajak atau gurindam, paham ndak kah sidak apa yang dibaca kah. Ya lah bagus mun kita bertanyak secara lisan. Ya juak membantu merangsang sidak berfikir sebenarnya. (PK1/SKMA/2022)

Bagi kamek, kamek akan soal sidak secara lisan juak mun ada aktiviti memahami bahan bacaan. Sik kira lah bahan grafik kah, teks kah, video kah, gambar kah.

Memang kamek akan tanya soalan dengan semua murid kamek. Berapa orang jak bah, nang sempat mun nak tanyak semua (PK4/SKMB/2022)

Selain ya, seingat kamek ada aktiviti nyatakan nilai dari bahan dibaca, nyatakan pendapat, buat rumusan, buat kesimpulan, ya semua perlu ditanyak secara lisan untuk makesure murid tok paham kah sik sebenarnya nak dibaca nya kah (PK5/SKMB/2022)

D. Aspek Tatabahasa

Peserta kajian juga menguji pemahaman murid tentang aspek tatabahasa secara lisan untuk memastikan murid memahami konsep tatabahasa yang cuba disampaikan. Pentaksiran secara lisan ini dijalankan secara spontan. Contohnya seperti membina ayat secara spontan dan menyebut beberapa jenis kata kerja. Perkara ini disebut oleh PK3 dalam temu bual beliau seperti di bawah:

Ya lah, mun nak nangga mbiak paham sik konsep tatabahasa nak diajar kita pada hari ya, cuba tanyak nya dengan soalan lisan. Kadang mbiak tok mengelamun nya sik paham. Mun kita tanyak baruk nya bersedia dalam kelas. Tanyak spontan jak, mun nya dapat jawab maksudnya nya udah tahu. Mun nak nangga nya paham kah sik, cuba suruh polah secara bertulis gik... (PK3/SKMA/2022)

Jadual 2 menunjukkan ringkasan dapatan kajian tentang kemahiran Bahasa Melayu yang ditaksir secara lisan oleh peserta kajian.

JADUAL 2. Kemahiran bahasa yang dinilai secara pentaksiran secara lisan

Kemahiran yang Dinilai	Melaksanakan Pentaksiran Secara Lisan	SKMA			SMKB		
		PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6
Mendengar-Bertutur	<ul style="list-style-type: none"> Dinilai semasa interaksi guru dengan murid Dinilai semasa interaksi murid dengan murid yang lain Dinilai semasa aktiviti berkumpulan 	X	X	X	X	X	X
Membaca	<ul style="list-style-type: none"> Murid membaca secara individu Murid membaca secara berpasangan Murid dijemput membaca di hadapan kelas Fokus kepada sebutan murid Fokus kepada intonasi berdasarkan konteks ayat yang dibaca Menilai murid melafazkan pantun Menilai murid mendeklamasi sajak 	X	X	X	X	X	X

Analisis Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat daripada teks Maklumat daripada grafik Maklumat daripada video Maklumat daripada prosa Maklumat yang terdapat dalam gambar Memahami lirik lagu Memberikan respons terhadap bahan yang dibaca Menyatakan nilai daripada bahan yang dibaca Membuat rumusan tentang bahan 	X	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat yang terdapat dalam gambar Memahami lirik lagu Memberikan respons terhadap bahan yang dibaca Menyatakan nilai daripada bahan yang dibaca Membuat rumusan tentang bahan 	X	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat yang terdapat dalam gambar Memahami lirik lagu Memberikan respons terhadap bahan yang dibaca Menyatakan nilai daripada bahan yang dibaca Membuat rumusan tentang bahan 	X	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat yang terdapat dalam gambar Memahami lirik lagu Memberikan respons terhadap bahan yang dibaca Menyatakan nilai daripada bahan yang dibaca Membuat rumusan tentang bahan 	X	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat yang terdapat dalam gambar Memahami lirik lagu Memberikan respons terhadap bahan yang dibaca Menyatakan nilai daripada bahan yang dibaca Membuat rumusan tentang bahan 	X	-	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Menguji konsep dasar tatabahasa Dijalankan secara spontan 	X	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Menguji konsep dasar tatabahasa Dijalankan secara spontan 	X	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Menguji konsep dasar tatabahasa Dijalankan secara spontan 	X	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Menguji konsep dasar tatabahasa Dijalankan secara spontan 	X	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Menguji konsep dasar tatabahasa Dijalankan secara spontan 	X	X	X	X	X	X

Jadual 3 menunjukkan kaedah pentaksiran yang digunakan oleh peserta kajian. Semua peserta kajian menggunakan kaedah tersebut untuk memberi penilaian tahap penguasaan murid terhadap kemahiran bahasa yang dipelajari oleh mereka secara lisan.

JADUAL 3. Kaedah yang digunakan dalam pentaksiran secara lisan

Kaedah dalam Melaksanakan Pentaksiran Secara Lisan	SKM A			SKM B		
	PK 1	K2	K3	PK 4	PK 5	PK 6
Kaedah dalam Melaksanakan Pentaksiran Secara Lisan	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti soal jawab Aktiviti kuiz Aktiviti perbincangan Penilaian menerusi respon murid Penilaian aktiviti bacaan kuat Aktiviti bercerita Aktiviti lakonan Persembahan 	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti soal jawab Aktiviti kuiz Aktiviti perbincangan Penilaian menerusi respon murid Penilaian aktiviti bacaan kuat Aktiviti bercerita Aktiviti lakonan Persembahan 	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti soal jawab Aktiviti kuiz Aktiviti perbincangan Penilaian menerusi respon murid Penilaian aktiviti bacaan kuat Aktiviti bercerita Aktiviti lakonan Persembahan 	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti soal jawab Aktiviti kuiz Aktiviti perbincangan Penilaian menerusi respon murid Penilaian aktiviti bacaan kuat Aktiviti bercerita Aktiviti lakonan Persembahan 	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti soal jawab Aktiviti kuiz Aktiviti perbincangan Penilaian menerusi respon murid Penilaian aktiviti bacaan kuat Aktiviti bercerita Aktiviti lakonan Persembahan 	X	-	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti soal jawab Aktiviti kuiz Aktiviti perbincangan Penilaian menerusi respon murid Penilaian aktiviti bacaan kuat Aktiviti bercerita Aktiviti lakonan Persembahan 	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti soal jawab Aktiviti kuiz Aktiviti perbincangan Penilaian menerusi respon murid Penilaian aktiviti bacaan kuat Aktiviti bercerita Aktiviti lakonan Persembahan 	X	X	X	X	X
	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti soal jawab Aktiviti kuiz Aktiviti perbincangan Penilaian menerusi respon murid Penilaian aktiviti bacaan kuat Aktiviti bercerita Aktiviti lakonan Persembahan 	X	X	X	X	X

Berdasarkan Jadual 3, terdapat lapan (8) instrumen pentaksiran secara lisan yang digunakan oleh peserta kajian dalam melaksanakan pentaksiran murid secara lisan ketika proses pengajaran berlangsung. Hampir semua kaedah pentaksiran secara lisan digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu SKM ini. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan temu bual bersama PK4 seperti berikut:

Kaedah tok lah paling kerap kamek polah dalam kelas. Sebab nya senang dan cepat. Kinek-kinek juak kita dapat nilai mbiak kita. Sik perlu polah ujian pun dah boleh nilah dah... (PK4/SKMB/2022)

Sidak di sekolah tok semua diam di rumah panjang, hari sekolah tok diam di asrama. Jadi soalan kita pun mestilah berkaitan dengan sidak juak, jangan tiba-tiba

indah nanyak soalan tentang bandar Kuching kah Miri kah. Mun nak tanyak juak, kamek akan sedia video dolok untuk tunjuk ngan sidak...(PK3/SKMA/2022)

Rumusan daripada pelaksanaan pentaksiran secara lisan oleh guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di SKM di luar bandar ialah:

1. Guru Bahasa Melayu di SKM menggunakan pelbagai pentaksiran secara lisan bagi menguji kemahiran mendengar dan bertutur serta kemahiran membaca.
2. Guru Bahasa Melayu di SKM menggunakan pelbagai kaedah menganalisis maklumat dalam membuat pentaksiran secara lisan.
3. Guru Bahasa Melayu di SKM mennggunakan pelbagai kaedah pentaksiran secara lisan bagi menguji aspek tatabahasa.
4. Guru Bahasa Melayu di SKM boleh mentaksir murid secara spontan semasa sesi pengajaran berlangsung.
5. Kaedah pentaksiran secara lisan adalah pentaksiran ini lebih mudah untuk dilaksanakan kerana mengambil masa yang singkat.
6. Kaedah pentaksiran secara lisan ini boleh dilaksanakan pada setiap kali sesi PdP berlangsung.
7. Setiap soalan yang diajukan oleh guru terdiri daripada pelbagai aras soalan yang sesuai dengan aras kognitif murid, latar belakang murid yang terdiri dari sgei kaum dan tempat tinggal.

Pentaksiran Secara Bertulis

Pentaksiran secara bertulis juga menjadi pilihan peserta kajian untuk dilaksanakan semasa proses PdP Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Antara kemahiran menulis yang boleh ditaksir adalah kemahiran menulis ayat tunggal, ayat majmuk, kemahiran mengedit dan memurnikan teks. Selain itu, keenam-enam peserta kajian melaksanakan pentaksiran secara bertulis untuk mentaksir kemahiran murid menulis karangan serta mencatat maklumat daripada bahan yang dibaca. Hal ini dijelaskan oleh PK1 dan PK4 menerusi temu bual seperti berikut:

Kemahiran utama yang kamek nak nilai ialah berkaitan dengan menulis lah. Molah ayat, molah karangan. Ayat tunggal ayat majmuk. Karangan berformat sikit berformat...(PK1/SKMA/2022)

Mun mbiak kamek nang suka sidaknya edit dan murnikan teks. Bagus juak sebenarnya supaya kita dapat nangga nya tauk kesalahan bahasa dalam penggunaan ayat. Lagi satu kita dapat nilai juak kemahiran sidak mencatat maklumat, contohnya pindahkan maklumat dari bahan teks ke bahan grafik...(PK4/SKMB/2022)

Jadual 4 menunjukkan ringkasan dapatan tentang kemahiran menulis yang ditaksir oleh peserta kajian dengan menggunakan kaedah pentaksiran secara lisan.

JADUAL 4. Kemahiran bahasa yang dinilai secara pentaksiran secara bertulis

	Melaksanakan Pentaksiran Secara Bertulis	SKMA			SMKB		
		PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6
Menulis	• Menulis ayat tunggal • Menulis ayat majmuk • Mengedit teks • Memurnikan teks • Menulis karangan • Mencatat maklumat	X	X	X	X	X	X
		X	X	X	X	X	X
		X	X	X	X	X	X
		X	X	X	X	X	X
		X	X	X	X	X	X
		X	X	X	X	X	X

Peserta kajian juga menjelaskan jenis kaedah yang digunakan ketika menjalankan pentaksiran secara bertulis. Menurut keenam-enam peserta kajian, hasil penulisan murid yang ditaksir adalah daripada buku aktiviti, buku tulis, lembaran kerja dan juga ujian bertulis yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. PK1, PK3, PK4, P5 dan PK6 turut menyebut membuat pentaksiran terhadap peta minda yang dihasilkan oleh murid. Malah PK3 dan PK6 juga melaksanakan projek berkumpulan untuk melihat dan mentaksir hasil kerja murid. Namun begitu, projek berkumpulan mengambil masa yang sedikit lama dan memerlukan murid membawa pulang tugas tersebut untuk disiapkan di luar waktu persekolahan. Petikan temu bual bersama PK3 dan PK6 adalah seperti berikut:

Kamek nilai juak mun sidak moleh peta mida atau peta ithink. Ya maksudnya sidaknya dapat memindahkan bahan yang dibaca sidaknya ke dalam bentuk grafik dengan betul...(PK3/SKMA/2022)

Kamek pernah polah projek kumpulan untuk disiapkan oleh sidak. Tugasan ya mudah ajak, kamek nyuruh sidak molah catatan masa sambutan hari sukan hariya. Lekak ya, bincang dan bentangkan apa perkara menarik yang sidak dapat perhatikan masa hari sukan. Then bentang dalam kelas. Kamek suruh sidak nya berkumpulan ikut rumah sukan sidaknya lah...(PK6/SKMB/2022)

Jadual 5 menunjukkan kaedah yang ditaksir oleh guru melalui pentaksiran secara bertulis. Didapati pentaksiran berasaskan projek kurang menjadi pilihan guru Bahasa Melayu di SKM. Hanya terdapat dua orang peserta kajian sahaja yang melaksanakan pentaksiran bertulis berasaskan projek. Lain-lain kaedah pentaksiran secara bertulis kerap digunakan oleh peserta kajian.

JADUAL 5. Kaedah yang digunakan dalam pentaksiran secara bertulis

Kaedah dalam Melaksanakan Pentaksiran Secara Bertulis	SKM A			SKM B		
	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	P K5	PK 6
Kaedah Penilaian Secara Bertulis	• Penulisan dalam buku aktiviti murid	X	X	X	X	X
	• Penulisan dalam buku tuisi murid	X	X	X	X	X
	• Hasil kerja pada lembaran kerja	X	X	X	X	X
	• Peta minda yang dihasilkan oleh murid	X	-	X	X	X
	• Hasil kerja daripada projek kumpulan	-	-	X	-	X
	• Jawapan dalam ujian bertulis	X	X	X	X	X
	• Penulisan dalam buku aktiviti murid	X	X	X	X	X

Sebagai rumusan, guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di SKM di luar bandar menggunakan pelbagai cara untuk melaksanakan pentaksiran secara bertulis dan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran secara bertulis untuk murid-murid mereka. Antara yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu SMK ini ialah:

1. Guru Bahasa Melayu di SKM menggunakan pelbagai kemahiran menulis dalam melaksanakan pentaksiran secara bertulis.
2. Guru Bahasa Melayu di SKM menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran secara bertulis bagi menguji kemahiran menulis murid.
3. Kaedah pentaksiran secara bertulis menggunakan pelbagai kaedah bagi menguji kemahiran menulis.
4. Kaedah projek berkumpulan menggunakan kaedah yang kurang digunakan oleh guru Bahasa Melayu di SKM bagi menguji kemahiran menulis.

Pentaksiran Secara Pemerhatian

Dapatan kajian daripada temu bual juga mendapatkan pentaksiran ketiga yang kerap digunakan oleh peserta kajian ialah pentaksiran secara pemerhatian. Namun begitu, pengkaji mendapati pentaksiran pemerhatian bukan sahaja untuk menilai penguasaan kemahiran berbahasa murid, akan tetapi turut menilai sikap murid sepanjang proses PdP serta melihat penguasaan kemahiran belajar murid. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan temu bual bersama PK2 dan PK3 seperti berikut:

Ada polah pemerhatian...mun kamek, kamek perhatikan sikap sidaknya macamni olahan masa dalam kelas, sikap positif kah sik, dapat sik jadi teladan untuk murid lain. Kaka nangga juak macamni penerimaan nya terhadap arahan kita, paham kah sik nya ataupun nya blur kah. Bila nya respon dan nya kelaka, kedakni rupanya. Sopan sik bahasanya, nya guna bahasa Melayu penuh sik... (PK2/SKMA/2022)

Biasa untuk nangga sikap murid lah. Kedak ni nya dalam kelas. Nya dengar sik arahan kita. Mun murid yang dengar dan faham sekali cakap jak dah paham. Mun yang sibuk kelaka masa kita ngajar ya, ada la kelak nya bertanyak soalan. Arahan simple jak. tapi sik paham apa nak dipolah... (PK3/SKMA/2022)

Ringkasan analisis temu bual bersama peserta kajian tentang kemahiran bahasa yang boleh dinilai melalui pentaksiran secara pemerhatian adalah seperti Jadual 6.

JADUAL 6. Kemahiran bahasa yang dinilai secara pentaksiran secara pemerhatian

Melaksanakan Pentaksiran Secara Pemerhatian	SKM A			SKM B		
	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6
Sikap Murid	• Nilai murniyang ditunjukkan	X	X	X	X	X
	• Kemahiran sosial	X	X	X	X	X
Kemahiran Berbahasa	• Menggunakan bahasa melayu sepenuhnya	X	X	X	X	X
	• Bahasa yang sopan dan bertatasusila	X	X	X	X	X
Kemahiran Belajar	• Kemahiran murid untuk memproses maklumat	X	X	X	X	X
	• Kemahiran murid menaakul maklumat	X	X	X	X	X
	• Kemahiran murid mendengar arahan	X	X	X	X	X

Walaupun pentaksiran dijalankan secara pemerhatian, guru perlu menyediakan eviden sebagai bukti pentaksiran yang dijalankan di dalam bilik darjah. Oleh itu, hasil dapatan daripada temu bual mendapat bahawa guru Bahasa Melayu di SKM ada menyediakan rekod pentaksiran secara pemerhatian. Rekod guru tersebut adalah berbentuk rekod mengajar, penulisan refleksi dalam Rancangan Pengajaran Harian, senarai semak, buku catatan guru serta borang transit PBD murid.

Jadual 7 menunjukkan kaedah yang digunakan oleh guru sebagai eviden pentaksiran secara pemerhatian. Kesemua peserta kajian menggunakan rekod mengajar dan rekod penulisan refleksi sebagai bukti pentaksiran secara pemerhatian dijalankan di dalam bilik darjah. Manakala, PK1, PK3, PK5 dan PK6 pula mengamalkan membuat senarai semak, menulis catatan guru dan merekod pentaksiran pada borang transit selepas proses pengajaran berlangsung. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan temu bual bersama PK2 dan PK5 seperti berikut:

Kamek merekod dalam RPH jak, dalam refleksi pun ada juak dicatat apa yang murid polah masa dalam kelas... (PK2/SKMA/2022)

Panitia kamek nang ada sedia sigek fail untuk setiap guru Bahasa Melayu untuk masukkan semua catatan

evidens pentaksiran tok. Contoh senarai semak ngan borang transit pun udah disedia. Tinggal nak edit dan print ikut maklumat murid kita pun jak gik... (PK5/SKMB/2022)

JADUAL 7. Kaedah yang digunakan untuk pentaksiran secara pemerhatian

Kaedah Melaksanakan Pentaksiran Secara Pemerhatian	SKM A			SKM B		
	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6
Rekod Guru	• Rekod mengajar	X	X	X	X	X
	• Penulisan refleksi	X	X	X	X	X
	• Senarai semak	X	-	X	-	X
	• Catatan guru	X	-	X	-	X
	• Borang transit	X	-	X	-	X

Sebagai rumusan, guru-guru Bahasa Melayu di SKM menggunakan pelbagai cara dan kaedah dalam melaksanakan pentaksiran secara pemerhatian terhadap murid-muridnya. Melalui pentaksiran secara pemerhatian itu, maka:

1. Guru Bahasa Melayu di SKM menilai sikap murid, kemahiran berbahasa murid dan kemahiran belajar murid ketika menilai secara pemerhatian.
2. Guru Bahasa Melayu di SKM menggunakan lima kaedah pentaksiran secara pemerhatian bagi merekod pencapaian murid-muridnya ketika belajar Bahasa Melayu.

Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Kurang Murid dalam Merekodkan dan Melaporkan Pentaksiran Bilik Darjah

Proses seterusnya dalam melaksanakan pentaksiran murid adalah proses merekod dan melapor pentaksiran. Peserta kajian didapati ada merekod pelaporan pentaksiran dalam bilik darjah ke dalam refleksi pengajaran serta borang transit PBD. Menurut PK1, refleksi pengajaran yang ditulis selepas setiap kali selesai sesi pengajaran turut memasukkan maklumat tentang murid yang perlu mengikuti pemulihan, pengukuhan dan aktiviti pengayaan. Petikan daripada PK1 adalah seperti berikut:

Dalam RPH memang wajib ditulis, berapa orang capai objektif berapa orang yang sik capai. Siapa yang perlukan aktiviti pemulihan, sapa yang ikut pengukuhan dengan pengayaan, semua ya ada tulis... (PK1/SKMA/2022)

PK1, PK3, PK5 dan PK6 pula didapati ada merekod pentaksiran yang dijalankan di dalam kelas ke dalam rekod borang transit PBD. Menurut PK3, borang transit ini adalah berbentuk catatan penguasaan kemahiran pembelajaran murid pada satu-satu sesi pengajaran. Oleh itu, borang transit ini penting untuk melihat sama ada murid sudah menguasai semua kemahiran bahasa pada akhir sesi pembelajaran pada

tahun tersebut. Petikan temu bual bersama PK3 adalah seperti di bawah:

Bagi kamek lah, penting borang transit ya, supaya kita dapat cross check dari DSKP kemahiran ni yang dah dibelaja atau belum. Sama ada mbiak dah kuasai semua kemahiran atau belum. Lagipun nya senang jak bah, borang ya tick tick ajak... (PK3/SKMA/2022)

Akhir sekali, terdapat dua subtema daripada tema pelaporan pentaksiran. Yang pertama ialah peserta kajian membuat pelaporan pentaksiran murid ke dalam fail PBD mata pelajaran Bahasa Melayu. Fail tersebut merangkumi maklumat tentang borang transit PBD serta rekod PBD murid bagi setiap fasa pentaksiran. Yang kedua pula ialah kesemua peserta kajian turut mengamalkan membuat salinan pelaporan untuk diserahkan kepada pihak yang berkepentingan termasuklah Ketua Panitia, PK Pentadbiran, fail TS25 serta pelaporan juga diserahkan kepada ibu bapa semasa Hali Pelaporan PBD dijalankan. Bukti daptan ini adalah daripada temu bual bersama PK2 dan PK5 seperti berikut:

Kamek biasa polah limak salinan, untuk dirikpun, untuk panitia, untuk PK1, masuk dalam fail TS25 juak, berik ngan mak bapak juak masa hari pelaporan... (PK2/SKMA/2022)

Fail Rekod PBD memang ada diwujudkan pakey nyimpan maklumat borang transit dengan laporan PBD fasa 1 dan fasa 2... (PK5/SKMB/2022)

JADUAL 8. Amalan guru Bahasa Melayu SKM merekod dan melapor pentaksiran murid

	Merekod dan Melaporkan Pentaksiran	SKM A			SKM B		
		PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6
Merekod	Refleksi pengajaran	• Aktiviti pemulihan	X	X	X	X	X
		• Aktiviti pengukuhan	X	X	X	X	X
		• Aktiviti pengayaan	X	X	X	X	X
		• Laporan intervensi	X	X	X	X	X
Melapor	Borang transit PBD	• Catatan di akhir tema / kemahiran	X	-	X	-	X
	Penyediaan fail PBD	• Borang Transit PBD	X	-	X	-	X
		• Rekod PBD Murid	X	X	X	X	X
	Salinan laporan	• Ketua panitia	X	X	X	X	X
		• PK Pentadbiran	X	X	X	X	X
		• Fail TS25 Kemenjadian murid	X	X	-	X	X
		• Ibu bapa (Hari Pelaporan PBD)	X	X	X	X	X

Sebagai rumusan, guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di SKM menggunakan pelbagai cara dalam merekod dan melaporkan pentaksiran murid di SKM. Antara amalan guru merekod pentaksiran yang dapat dikenal pasti ialah:

1. Menulis refleksi pengajaran selepas tamat sesi PdP.
2. Membuat laporan program-program intervensi yang dijalankan.
3. Mencatat rekod pada borang transit PBD murid.
4. Membuat pelaporan pentaksiran murid disediakan dengan penyediaan fail PBD.
5. Membuat beberapa salinan untuk pihak sekolah dan juga ibu bapa.

PERBINCANGAN

Amalan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Kurang Murid dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Guru Bahasa Melayu di SKM didapati mengamalkan pelbagai jenis pentaksiran untuk menilai penguasaan murid selepas sesi pengajaran kemahiran bahasa. Antara pentaksiran yang dilaksanakan ialah pentaksiran secara lisan, pentaksiran secara bertulis dan juga pentaksiran secara pemerhatian. Keprihatinan guru merancang pelbagai jenis pentaksiran ini menunjukkan guru berusaha untuk memastikan murid mencapai hasil pembelajaran yang bermakna pada akhir pengajaran (Taole & Cornish 2017). Perkara ini juga dibuktikan oleh Geviana dan Nurfaradila (2021) bahawa guru di SKM mampu untuk menyesuaikan dan mengaplikasikan PdP murid dengan menitikberatkan pelbagai aspek utama yang melibatkan murid.

Dari segi pelaksanaan pentaksiran secara lisan, guru Bahasa Melayu di SKM didapati mengajukan pelbagai aras soalan serta menggunakan pelbagai jenis instrumen untuk mentaksir kemahiran bertutur murid. Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan Hamimah dan Rohaya (2014) dalam Halimah dan Rozita Radhiah (2019) yang mendapati guru masih belum mahir untuk melaksanakan pentaksiran secara lisan yang mengakibatkan guru tidak dapat memantau perkembangan pembelajaran murid.

Pentaksiran secara bertulis juga menjadi pilihan guru Bahasa Melayu di SKM dalam melaksanakan PBD. Dapatan kajian ini selari dengan Idris (2016) yang mendapati pentaksiran secara bertulis banyak ditemukan ketika aktiviti perkembangan pengajaran. Pentaksiran yang sering menjadi pilihan ialah aktiviti pemetaan, melengkapkan lembaran kerja serta menjawab soalan secara individu mahupun secara berkumpulan. Kaedah ini turut menjadi pilihan kerana hasil kerja murid lebih mudah disimpan sebagai eviden. Selain itu, pentaksiran bertulis melalui buku aktiviti,

buku tulis dan lembaran kerja yang dilengkapkan oleh murid adalah perlu ditaksir dengan teliti supaya guru dapat menyediakan aktiviti untuk penambahbaikan murid. Hal ini juga disebut oleh Kalai (2019) bahawa proses tersebut akan membantu guru-guru mengenal pasti masalah dan melaksanakan penambahbaikan terhadap murid secara berterusan dari masa ke masa.

Pentaksiran secara pemerhatian pula memerlukan guru untuk menyediakan pelbagai rekod seperti catatan pengajaran, borang transit dan senarai semak. Penyediaan laporan ini menyebabkan pentaksiran secara pemerhatian kurang menjadi pilihan guru. Walaupun begitu, menyedari konteks pendidikan masa kini, pentaksiran ialah proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti seperti menghurai, mengumpul, merekod dan memberi skor seterusnya menginterpretasi maklumat berkaitan pembelajaran murid bagi sesuatu tujuan (Mazarul et al. 2021). Oleh itu, guru-guru sebagai pelaksana tidak dapat mlarikan diri daripada membuat catatan dan menyimpan rekod pentaksiran murid yang dijalankan di dalam bilik darjah.

Pentaksiran secara pemerhatian juga kurang menjadi pilihan guru Bahasa Melayu di SKM disebabkan oleh tidak mahu wujudnya unsur berat sebelah semasa menjalankan pemerhatian. Keadaan tersebut menunjukkan kelemahan guru yang tidak dapat mentaksir murid menggunakan pertimbangan profesional dengan sebaiknya. Kelemahan guru semasa melaksanakan pentaksiran sememangnya boleh berlaku. Sebagai mana kajian yang dijalankan oleh Wan Omar (2019) yang merumuskan bahawa banyak cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD sehingga menimbulkan masalah kepada guru-guru untuk menjalankan PBD dengan berkesan. Ali dan Veloo (2017) pula mendapati masalah bias berlaku ketika guru memberikan tahap penguasaan kepada murid. Oleh itu, guru harus melaksanakan PBD dengan telus supaya tidak mendatangkan keraguan dan permasalahan dalam kalangan ibu bapa dan murid itu sendiri.

Amalan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Kurang Murid dalam Melaporkan Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran yang dilakukan oleh guru sepanjang sesi PdP perlulah direkod dan dianalisis untuk membuat pelaporan. Hasil dapatan kajian mendapati guru Bahasa Melayu di SKM merekod pentaksiran murid setelah selesai sesuatu sesi pengajaran dalam refleksi RPH. Refleksi ini bertujuan untuk menentukan aktiviti pemulihan, pengukuran dan pengayaan yang sesuai untuk murid. Dapatan kajian ini juga didapati bertentangan Noel Jimbai et al. (2021) apabila dapat membuktikan guru Bahasa Melayu di SKM turut mencatat pentaksiran yang dijalankan di dalam bilik darjah dalam borang transit PBD. Hal ini menunjukkan PBD dijalankan dengan teratur sebagai mana yang turut dinyatakan oleh Sh. Siti Huzaimeh (2019) bahawa

pengurusan eviden PBD yang cekap mampu memberi impak positif kepada penguasaan murid semasa pentaksiran dijalankan. Oleh itu, guru-guru perlu menjauhi sikap sambil lewa semasa melaksanakan PBD kerana perkembangan potensi dan tahap pencapaian murid bergantung kepada kesungguhan guru di dalam bilik darjah.

Dapatan kajian juga mendapati pentaksiran murid yang telah dianalisis dan direkod ke dalam fail PBD dan guru-guru juga membuat salinan laporan rekod pentaksiran tersebut untuk kegunaan pihak sekolah dan ibu bapa. Seperti mana yang dicadangkan oleh Noel Jimbai et al. (2021) bahawa pengurusan fail PBD guru seperti rekod borang transit, instrumen pentaksiran dan laporan PBD perlu lebih dimantapkan sebagai jaminan kualiti pengurusan dan pelaksanaan PBD di peringkat sekolah. Oleh yang demikian, keberkesanan pelaksanaan PBD di peringkat sekolah ternyata bergantung sepenuhnya kepada komitmen guru (Suhaila & Mohamed Yusoff 2022). Hal ini kerana pentaksiran yang berkesan yang dijalankan sepanjang sesi pengajaran dan didokumentasikan dengan teratur akan memberikan maklumat yang benar kepada pihak sekolah, ibu bapa dan murid itu sendiri.

KESIMPULAN

Guru-guru Bahasa Melayu di SKM melaksanakan pentaksiran murid dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti kaedah lisan, bertulis dan juga secara pemerhatian. Perkara ini jelas selaras dengan kualiti guru dalam SKPMg2 4.5.1 (KPM 2013) yang menuntut guru melaksanakan pentaksiran secara menyeluruh dari segi kecukupan dan kecakupan serta meliputi semua tahap murid. Dalam memastikan kemenjadian dan keberhasilan murid seperti yang diharapkan dalam PPIM 2013-2015 (KPM 2013), guru sebagai pelaksana pentaksiran perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan pertimbangan profesional untuk menambah baik sistem pentaksiran di Malaysia. Pentaksiran yang mengambil kira potensi murid secara menyeluruh dan berterusan harus menjadi amalan kepada semua guru di Malaysia, bukan sahaja kepada guru-guru yang mengajar di SKM tetapi juga kepada semua guru di seluruh negara. Pentaksiran pembelajaran yang menerapkan elemen pendekatan terbeza antara langkah yang boleh diambil untuk mengembangkan potensi murid dalam meningkatkan keupayaan mereka secara optimum.

Kajian ini merupakan satu penerokaan tentang amalan guru Bahasa Melayu di SKM dalam melaksanakan PBD. Amalan pentaksiran tersebut merangkumi pelaksanaan pentaksiran secara lisan, secara bertulis dan secara pemerhatian. Kajian ini turut melihat amalan guru di SKM melaporkan PBD sebagai eviden terhadap tahap pembelajaran murid. Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian satu kes pelbagai tempat.

Pemilihan peserta kajian berdasarkan pensampelan bertujuan dan data diperoleh daripada temu bual bersama enam orang peserta kajian. Dapatan kajian ini juga jelas menunjukkan perancangan pengajaran yang berkesan dapat memastikan murid-murid menerima kandungan pengajaran yang disampaikan, melalui proses pengajaran yang bermakna seterusnya dapat menghasilkan pelbagai jenis hasil pembelajaran sama ada secara lisan mahupun secara bertulis di akhir sesi PdP.

Kesimpulannya, proses pentaksiran yang dinilai secara holistik dan memenuhi keperluan pembelajaran murid dapat membantu kualiti pengajaran guru serta menjadi penanda aras tahap perkembangan pembelajaran murid dari satu masa ke satu masa. Proses pentaksiran yang dijalankan dengan mengamalkan pertimbangan profesionalisme juga turut membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru dalam melaksanakan pentaksiran yang memenuhi pelbagai aras murid seperti mana yang dikehendaki dalam SKPMg2 Standard 4. Malah, guru-guru menunjukkan komitmen yang penuh dalam pelaksanaan PBD dengan merekod dan melapor pentaksiran yang telah dijalankan bagi tujuan eviden dan bukti kukuh kepada pihak berkepentingan seperti ibu bapa, pihak pentadbir dan PPD tentang tahap pembelajaran murid.

RUJUKAN

- Ali, R.M., & Veloo, A. (2017). Teachers' autonomy and accountability in assessing Students' physical education in school-based assessment. In I.H. Amzat & N.P. Valdez. (Eds.). *Teacher Development and Towards Professional Empowerment Practices Perspectives Cross Borders*. p.p 71. New York: Springer.
- Danial Arif Abdul Mutallip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 29-42.
- Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli, Roslee Talip, Tan Choon Keong, Soon Singh A/L Bikar Sing, Lee Bih Ni. Rosy Talin & Mad Noor B. Madjapuni. (2021). pengaruh pembangunan penerapan nilai dalam pendidikan abad ke 21 terhadap pembentukan sahsiah murid Sekolah Kurang Murid (SKM) luar bandar di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1):119-127.
- Fakhri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang. (2016). Kesediaan guru dalam amalan melaksanakan pentaksiran berdasarkan sekolah. *Journal of Social Science*, 2, 1-7.
- Geviana Gladysa Anak George & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Pendekatan pengajaran terbeza: pengetahuan dan amalan guru kelas bercantum di sekolah kurang murid: Kajian

- literatur sistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 484-826.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said. (2021). Pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2), 25-36.
- Idris Mohd Radzi. (2016). Perancangan pentaksiran formatif guru pelatih dalam pengajaran bahasa Meyu. *PENDETA: Jurnal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 63-72.
- Kalai Selvan Arumugham. (2019). Pentaksiran bilik darjah dan kemenjadian murid:pengukuran tahap perkembangan pembelajaran murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. *Seminar on Malay Education, Literature and CultureAt: The Goethe University, Frankfurt, Germany*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia: Pernyataan Standard SKPMg2*. Putrajaya: Jemaah Nazir Sekolah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2019). *Buku Panduan Pendidikan Moral*. Putrajaya: Jemaah Nazir.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mark, W. (2018). Making measurement important for education: The crucial role of classroom assessment. *Educational Measurement: Issues and Practice*, 37(1), 5-20.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Noraziman Zakaria & Suhaila Muner. (2021). Tahap kesediaan guru sekolah rendah di Daerah Klang, Selangor dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dari aspek pengetahuan. *International Journal of Modern Education*, 3(9), 1-8.
- Miftahuljanah Kamaruddin & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2020). Kualiti pertimbangan profesional guru dan penerapan *IB Learner Profile* berdasarkan amalan pentaksiran dalam *Middle Years Programme International Baccalaureate. Proceeding Malaysia International Convention on Education Research & Management*, pp.34-44. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nitce Isa Medina Machmudi Isa, Azlin Norhaini Mansor & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2017). Cabaran kepimpinan instruksional guru besar di Sekolah Kurang Murid. *Prosiding Seminari Pendidikan Serantau ke VIII*. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Fakultas Keguruan & Ilmu Pendidikan, Universitas Riau.
- Noel Jimbai Balang, Kiah Sakudan & Mohamad Faizal Semion. (2021). Lestarikan pentaksiran bilik darjah (PBD) demi kemenjadian murid. *Researhgate*.
https://www.researchgate.net/publication/351135097_LESTARIKAN_PENTAKSIRAN_BILIK_DA_RJAH_PBD_DEMI_KEMENJADIAN_MURID
(Diakses pada 23 November 2023)
- Nor Azizah Atan, Zaharah Mohamad, Norasyikin Yaacob & Norshila Shafie. (2020). Amalan pentaksiran bilik darjah bagi pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah. *Proceedings of International Conference on The Future of Education*, pp. 184-196. Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus, Penang.
- Nor Faezah Arfan & Dg Norizah Ag Kiflie@Dzulkifli. (2017). Kepimpinan Instruksional, sekolah berkesan dan budaya organisasi di pedalaman Sarawak. *Seminar Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2017*. Universiti Malaysia Sabah.
- Noraziah Noor Isham & Mahamed Yusoff Mohd Nor. (2021). Kecerdasan emosi guru besar dan hubungannya dengan komitmen organisasi guru di Sekolah Kurang Murid Negeri Melaka. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 111-121.
- Sh. Siti Huzaimeh Wan Omar. (2019). Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 56-67.
- Suhaila Jaabi & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2022). Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah Bahasa Inggeris dan hubungannya dengan komitmen guru bahasa Inggeris di Daerah Semporna era norma baharu. *International Conference on Global Education IX*. 102-110. West Sumatra, Indonesia.
- Taole, M.J. & Cornish, L. 2017. Identifying the professional knowledge base for multi-grade teaching. *The Online Journal of New Horizons in Education*, 7(4), 42-51.
- Tomlinson, C. A. 2008. The goals of differentiation. *Educational Leadership*, 66(3), 26–30.
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). *Profesjon Keguruan dan Pembangunan Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Ruslin Amir. (2015). *Kepelbagai Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.